



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Sekolah 'lama' perlu laksana audit jamin keselamatan
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 April 2019 (Isnin)
Ruang	Isu
Muka Surat	17

## Sekolah 'lama' perlu laksana audit jamin keselamatan

**Sungai Petani:** Sekolah berusia melebihi 15 tahun perlu melakukan audit keselamatan setiap tahun bagi menjamin keselamatan pelajar, guru dan kakitangan di premis terabit.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata ini kerana keadaan struktur bangunan yang lama dan usang boleh mengakibatkan kemalangan sehingga berlaku kematian.

Beliau berkata, bagi sekolah kurang daripada usia itu pula, proses berkenaan perlu dilakukan setiap tiga hingga lima tahun.

"Sejak kebelakangan ini, kita banyak mendengar insiden di kawasan sekolah seperti keruntuhan struktur bangunan, ditimpa kipas siling atau tiang gol serta kemalangan di makmal sekolah dan tandas.

"Kejadian seumpama itu dapat dielak jika aspek keselamatan dititikberatkan oleh pihak sekolah sendiri," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Peringkat Daerah Kuala Muda, di sini, semalam.

Lam Thye berkata, audit keselamatan boleh dilakukan dengan bantuan agensi, termasuk NIOSH dan Jabatan Kerja Raya (JKR), selain persatuan yang mewakili pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Katanya, langkah itu membolehkan sekolah terabit mengenal pasti semua bahaya dan risiko di premis berkenaan, sekali gus dapat mencari penyelesaian terbaik bagi menghalang berlaku kemalangan yang mampu dicegah.

Beliau berkata, pihak sekolah juga harus memberi latihan mencukupi kepada mereka yang terabit untuk mengenal pasti risiko dan cara menanganinya berdasarkan konsep HIRARC, iaitu Pengenalan Hazard, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko.

### NIOSH bantu jalankan audit

"Guru mengiringi pelajar untuk program di luar sekolah atau mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum khususnya, mestilah mampu menjalankan HIRARC bagi memastikan perjalanan dan program disertai adalah selamat," katanya.

Mengulas lanjut, Lam Thye berkata, NIOSH sentiasa komited menggalakkan serta membantu sekolah menjalankan audit keselamatan dan menggunakan pakai pendekatan HIRARC bawah program KKP di Sekolah melalui kerjasama Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Pendidikan sejak 2015.

Dalam pada itu, beliau percaya masih banyak sekolah tidak ada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti yang terkandung dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Katanya, setiap sekolah sepatut ada jawatankuasa itu yang terdiri daripada wakil guru dan jabatan pendidikan bagi memastikan premis berkenaan berada dalam keadaan selamat serta sihat untuk semua warganya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Audit selepas 15 tahun
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	15 April 2019 ( Isnin )
Ruang	Setempat
Muka Surat	20

# Audit selepas 15 tahun

## Jamin tahap keselamatan pelajar, guru dan kakitangan sekolah

Nor Farhani Che Ad  
am@hmetro.com.my

### Sungai Petani

**S**ekolah berusia melebihi 15 tahun perlu melakukan audit keselamatan setiap tahun bagi menjamin tahap keselamatan pelajar, guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, bagi usia sekolah kurang daripada itu ia perlu dilakukan setiap tiga hingga lima tahun.

"Ini berikutan keadaan struktur bangunan lama dan usang boleh mengakibatkan kemalangan sehingga boleh mengakibatkan kematian.

"Sejak kebelakangan ini, banyak kita dengar kejadian kemalangan di sekolah seperti keruntuhan struktur bangunan, ditimpa kipas siling atau tiang gol dan kemalangan di makmal sekolah serta tandas.

"Kejadian seumpama itu

dapat dielakkan sekiranya aspek keselamatan dititikberatkan pihak sekolah sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Sekolah Peringkat Daerah Kuala Muda, semalam.

Katanya, audit keselamatan boleh dilakukan dengan bantuan agensi lain termasuk Niosh dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selain persatuan yang mewakili pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Katanya, langkah itu membolehkan sekolah terabit mengenal pasti bahaya dan risiko sekali gus mencari penyelesaian terbaik bagi menghalang berlakunya kemalangan yang boleh dicegah.

Beliau berkata, pihak sekolah juga harus memberi latihan mencukupi kepada mereka yang terbabit untuk mengenal pasti risiko dan cara menanganiinya berdasarkan konsep 'HIRARC' iaitu Pengenalan Hazard, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko.

"Guru yang mengiringi

pelajar untuk program di luar sekolah atau mengambil bahagian dalam aktiviti kurikulum khususnya, mestilah mampu menjalankan HIRARC bagi memastikan perjalanan dan program disertai selamat," katanya.

Niosh sentiasa komited menggalakkan dan membantu sekolah menjalankan audit keselamatan dan menggunakan pendekatan HIRARC di bawah program 'KKP di Sekolah' melalui kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan sejak 2015," katanya.

Dalam pada itu, beliau

percaya masih banyak sekolah yang tidak mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti terkandung dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Katanya, setiap sekolah seharusnya mempunyai jawatankuasa itu yang terdiri daripada wakil guru dan jabatan pendidikan dalam usaha memastikan sekolah dalam keadaan selamat dan sihat untuk semua warganya.

“

Ini berikutan keadaan struktur bangunan lama dan usang boleh mengakibatkan kemalangan sehingga boleh mengakibatkan kematian”

Lee Lam Thye





KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Jenamakan TVET dengan acuan kita
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 April 2019 (Isnin)
Ruang	Muka Sepuluh
Muka Surat	10

# Jenamakan TVET dengan acuan kita

Dari Kaca Mata



Prof Madya Dr Razali Hassan

Penyelidik Utama di Pusat Kecemerlangan TVET di UTHM.

**D**i Malaysia, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah sektor utama membantu kerajaan membangunkan sumber sumber manusia kepada industri.

Terdapat lebih 1,200 institut TVET melaksanakan kemudahan pendidikan dan latihan itu di Malaysia, dengan 45 peratus adalah sektor awam. Pendataran tahunan merekodkan lebih 200,000 pelajar TVET.

Tujuh kementerian memiliki dana dan mengendalikan institusi sektor awam serta dua agensi berbeza mengawal selia sektor itu iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sekurang-kurangnya RM1.3 bilion pembiayaan kerajaan diperuntukkan untuk mengendalikan institusi awam.

Di Malaysia, ada empat cabaran utama melaksanakan TVET - tadbir urus tidak diselaraskan, penyelarasan pelaksanaan pembekal latihan daripada pelbagai kementerian, bidang teknologi tidak diiktiraf serta dua badan akreditasi yang tidak diselaraskan.

**Pelaksanaan mesti diterima industri**  
Semua cabaran ini memerlukan pertimbangan untuk diharmonikan bagi memastikan pelaksanaan bidang TVET negara diterima semua industri.

Salah satu cadangan adalah mewujudkan sistem akreditasi khusus untuk memudahkan koordinasi dan pemanfaatan TVET yang lebih baik, mengikut acuan Malaysia.

Mengimbang sejarah, TVET di Malaysia bermula pada 1964. Institut Teknikal dibangunkan pada masa itu bagi

melatih belia tercicir dari arus persekolahan.

Peluang ini digunakan Kementerian Pendidikan pada masa itu dalam memastikan setiap warga negara diberi hak untuk mendapatkan pendidikan selaras Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Ini jelas dapat dilihat dengan wujud pendidikan kemahiran vokasional pada peringkat sekolah rendah dan disambung ke peringkat menengah.

Pendidikan kemahiran hidup yang diwujudkan pada peringkat awal bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keperluan individu berhadapan situasi kehidupan harian, seterusnya memberi peluang kepada pelajar untuk berdikari dalam menghadapi cabaran hidup.

Asas pendidikan kemahiran hidup ini dilebarkan dengan mengaitkan kemahiran berdikari kepada kemahiran asas pekerjaan, sehingga tertubuhnya sekolah vokasional.

## Tambah baik latihan vokasional

Perubahan zaman dan perkembangan teknologi mengubah lanskap TVET di Malaysia dengan usaha diambil pelbagai kementerian bagi menambah baik latihan vokasional, agar sesuai mengikut bidang profesi masing-masing.

Maka wujud lapan kementerian yang melihat TVET sebagai bidang yang tidak patut dipandang ringan, memandangkan banyak negara maju menjadikannya sebagai laluan utama dalam sistem pendidikan dan latihan bagi membantu negara meningkatkan ekonomi selaras sumber ekonomi.

Negara seperti Jerman, Australia, Austria, Finland, United Kingdom (UK) dan Switzerland sudah lama mengiktiraf TVET sebagai laluan utama dalam sistem pendidikan mereka selaras permintaan dan sokongan kerajaan yang memberikan keutamaan dalam membantu memperkembangkan ekonomi negara berkenaan.

Acuan pelaksanaan TVET di Malaysia yang boleh kita jenamakan sebagai MyVET adalah langkah awal memberi nafas dan imej baharu kepada industri itu. Penyelaras aspek '3A' - akreditasi, akses dan artikulasi - sangat penting.

Akreditasi - JPK dan MQA perlu mencapai kata sepakat bagi memastikan setiap kementerian yang melaksanakan program TVET dapat menggunakan sistem standard. Ini penting bagi memastikan JPK menggunakan amalan kompetensi mengikut gred, agar dapat memudahkan perpindahan kredit dilakukan dalam sistem gred kumulatif.

Akses - pelbagai usaha sedang dan sudah dilaksanakan bagi membantu graduan lepasan TVET di institusi awam dan swasta mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran TVET.

Kerajaan tidak seharusnya meraikan hal individu dalam mencapai cita-cita meningkatkan kerjaya dan pengetahuan mereka ke peringkat tertinggi.

## Celaru pilih laluan pendidikan

Artikulasi - amalan sedia ada tidak menggambarkan pelaksanaan sistematik. Merujuk Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 01) sebelum 2019, tiga laluan pendidikan iaitu kemahiran, TVET dan akademik. Ini menyebabkan timbul kecelaruan dalam kalangan pelajar yang kurang memahami dalam memilih laluan pendidikan sehingga peringkat tertinggi. Adalah wajar jika hanya laluan TVET dan akademik ada dalam kerangka kelayakan Malaysia. Bagaimanapun asas akademik wajib bagi semua pelajar, agar mereka lebih bersedia dalam menghadapi cabaran dalam meneruskan laluan pendidikan dan latihan seterusnya.

TVET kini tidak lagi signifikan dikaitkan dengan bidang kemahiran tangan semata-mata, malah keupayaan menggunakan kemahiran kognitif dan afektif adalah cabaran utama dalam penghasilan sumber manusia yang berketrampilan dan berpengertian.

Persoalannya, adakah sistem TVET kita mampu berhadapan semua cabaran ini atau kita masih mahu berterlagah sesama kementerian bagi menegakkan kebenaran dan kegoaan masing-masing? Sama-sama kita fikirkan apakah acuan sebenar MyVET yang akan kita hasilkan bagi membuktikan harapan negara dapat diperlukan.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	30,000 peluang kerja belia TVET di 4 agensi KPLB
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 April 2019 (Isnin)
Ruang	Isu
Muka Surat	6

# 30,000 peluang kerja belia TVET di 4 agensi KPLB



**Ipoh:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menawarkan 30,000 peluang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada belia menerusi empat agensi di bawah kementerian itu di seluruh negara setiap tahun.

Menyerahnya, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata sebanyak 345 program ditawarkan menerusi pelbagai institut kemahiran di bawah agensi MARA, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Katanya, program yang ditawarkan itu bukan sahaja menyediakan program pendidikan dan kemahiran, malah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar, terutama golongan belia yang me-

nyertai program itu.

“Selain menyediakan latihan kemahiran, kita lihat hari ini KPLB turut mengadakan kerjasama bersama rakan strategik (dalam) industri untuk menawarkan peluang pekerjaan bagi pelajar yang tamat kursus TVET di institusi pengajian KPLB.

## Peluang kerja di Jepun

“Secara keseluruhannya, kebolehpasaran pelajar selepas melanjutkan TVET di KPLB melebihi 70 peratus, yang mana MARA sebanyak 85 peratus, manakala PERDA 74 peratus, ini yang kita lihat bahawa di KPLB bukan sahaja memberikan kemahiran, tetapi menyasarkan pelajar untuk mendapat pekerjaan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penutup Ekspos TVET@KPLB di sini, semalam.

Rina berkata, pihaknya turut melihat potensi pelajar di bawah kementeriannya untuk mendapat peluang bekerja di negara Jepun berikutan terdapat permintaan daripada negara matahari terbit itu.

“Sebenarnya, apa yang kita lihat dulu hanya (kebolehpasaran pelajar TVET) dalam negara kerana kita masih kekurangan pekerja mahir.

“Bagaimanapun, kita sudah ada permintaan, jadi tidak salah memberi peluang kepada mereka untuk memiliki pengalaman bekerja atau pendedahan (bekerja) ke luar negara dan kita dalam perancangan untuk bekerjasama dengan negara Jepun.

“Ada permintaan dari Jepun dan alumni yang tamat kursus mempunyai peluang bekerja di negara itu,” katanya.

Selain menyediakan latihan kemahiran, kita lihat hari ini KPLB turut mengadakan kerjasama bersama rakan strategik (dalam) industri untuk menawarkan peluang pekerjaan bagi pelajar yang tamat kursus TVET di institusi pengajian KPLB”

**Rina Mohd Harun,**  
Menteri Pembangunan  
Luar Bandar



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Majikan perlu bijak tangani pekerja warga asing
Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	15 April 2019 (Isnin)
Ruang	Aduan
Muka Surat	50

 **PENDAPAT**

## Majikan perlu bijak tangani pekerja warga asing

■ MASALAH warga asing yang menyewa dan mendiami rumah flat seperti flat Pandan Mewah, Ampang, Selangor meresahkan penduduk. Kehadiran warga asing ini bukan sekadar menyewa tetapi turut menjalankan aktiviti perniagaan runcit dan membuka restoran di sekitarnya. Aktiviti warga asing ini juga didakwa mengundang masalah jenayah dan mengabaikan kebersihan persekitaran. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan penduduk.

Serbuan yang dilakukan Jabatan Imigresen bukanlah jalan penyudah untuk menjinakkan mereka. Pelbagai alasan diberikan untuk menggelakkkan didenda atau barangang mereka disita oleh pihak berkuasa.

Pihak majikan seharusnya bertanggungjawab menyediakan rumah kongsi kepada warga asing di tempat mereka bekerja atau dapat dikumpulkan di satu tempat dan bukannya menyewa rumah flat atau membiarkan mereka mencari tempat tinggal sendiri. Jika tempat tinggal mereka ditentukan, gerak geri mereka dapat dipantau.

Kementerian Sumber Manusia perlulah bertegas seperti mengemukakan syarat kepada majikan untuk menyediakan rumah kongsi sebelum menggaji pekerja asing. Pihak majikan pula janganlah mementingkan keuntungan semata-mata, fikirlah bahawa pekerja mereka untuk bekerja dan bukannya menyusahkan orang lain.

Pemilik rumah pula perlulah bekerjasama dalam menangani kebanjiran warga asing di kawasan perumahan mereka. Mungkin dengan harga rumah yang mahal sekarang ini, rumah boleh disewakan kepada warga tempatan. - **TST Temerloh**



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	'Biar saya buat kerja dahulu'
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	15 April 2019 ( Isnin )
Ruang	Hip!
Muka Surat	66



## 'Biar saya buat kerja dahulu'

• Tepis pandangan skeptikal, Hans Isaac tekad capai sasaran manifesto 15 perkara untuk FINAS

Oleh Zaidi Mohamad  
zaidim@bh.com.my

Pengalaman 25 tahun dalam industri filem dan mendengar keluh kesah setiap insan yang mencari rezeki, memudahkan Datuk Hans Isaac memahami keperluan sebenar penggiat seni.

Dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) berkuat kuasa 8 April lalu, Hans terpanggil untuk segera membela nasib anak seni.

Hans memberitahu, melihat artis veteran bergelut dalam merusak hidup, membuatkan dirinya tertanya-tanya, apakah masalah sama bakal dilalui penggiat seni mudah apabila meningkat usia telak.

Sehubungan itu, tekad Hans, antara usaha awal yang akan diambil adalah memperkenalkan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi melindungi kebajikan penggiat seni.

Hans menambah, skim terbabit bukan saja bakal menjamin masa depan pelakon, malah kru produksi termasuk jurusolek, 'runner'



Saya banyak berfikir apabila teringat kenangan berkongsi bilik dengan Allhyarham Datuk Aziz Sattar ketika berlakon bersama. Kisah yang dilaluinya dan Allhyarham Yusni Jaafar yang bergelut pada hujung usia membuatkan saya tersentuh"

Hans Isaac

(penghantar barang), pemandu dan penjaga busana yang bekerja siang dan malam.

Bersama HIP, ikuti temubual bersama pelakon, penerbit dan pengarah berkenaan yang ditemui di ibu pejabat FINAS di Hulu Klang, minggu lalu.

**HIP (H): Usaha memperkenalkan skim caruman KWSP dan PERKESO difahamkan menj-**

**di sebahagian daripada manifesto 15 perkara yang anda perjuangkan. Boleh jelaskan dengan terperinci apa misi anda dalam menerajui FINAS?**

**Hans Isaac (HI):** Benar, pengenalan skim itu adalah satu daripada 15 manifesto yang dirangka saya bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ahmad Idham Ahmad Nadzri yang baharu lebih sebulan memegang jawatan itu.

FINAS sudah ada kertas kerjanya. Perbincangan untuk mekanisme pelaksanaan caruman akan dibuat bersama kedua-dua badan terbabit. Syarat dan kaedahnya akan diberi kepada KWSP dan PERKESO bagi menggunakan pakai sistem dalam industri seni.

FINAS juga akan bertemu dengan pihak pengurusan stesen televisyen (TV) dan syarikat produksi di mana karyawan bebas ini

bekerja. Ada banyak proses yang perlu dilakukan bagi memastikan pelaksanaan itu dapat dijalankan.

**H: Mengapa pengenalan skim KWSP dan PERKESO menjadi antara agenda utama yang mahu dibangkitkan?**

**HI:** Perkara itu menjadi agenda utama terutama selepas melihat ramai artis veteran yang pernah dipuji ketika zaman kemuncak,

